

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 28.10.2014

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan hutang negara pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014. Nyatakan hutang negara berbanding dengan KDNK Malaysia setakat September 2014 dan cara Kerajaan menjelaskan hutang Kerajaan.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2014 adalah sebanyak

RM568.9 bilion atau 52.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1% atau RM552.7 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.2 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar persisir. Kedudukan hutang Kerajaan ini kekal terurus dibawah 55% daripada KDNK dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan pada 2010 adalah sebanyak RM407.1 bilion atau 51.1% daripada KDNK, 2011 sebanyak RM456.1 bilion atau 51.5%, 2012 sebanyak RM501.6 bilion atau 53.3% dan bagi tahun 2013 pula RM547.6 bilion atau 54.7% daripada KDNK.

Untuk makluman Yang Berhormat juga,

2. Sehingga kini, Kerajaan telah membayar balik semua hutang dan bayaran khidmat hutang dengan teratur serta mengikut jadual. Ini adalah hasil daripada pengurusan hutang yang berhemat di mana pinjaman dibuat hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan setelah mengambil kira kemampuan membayar balik. Bayaran khidmat hutang,

yang merujuk kepada bayaran faedah ke atas pinjaman merupakan bayaran tanggungan mandatori yang perlu diberi keutamaan dan dikategori di bawah peruntukan tanggungan T13. Bayaran khidmat hutang dijangka kekal terurus pada 10.3% daripada hasil, masih jauh di bawah paras 15% seperti yang ditetapkan dalam peraturan pengurusan fiskal.